

## Usaha Malaysia dalam Tuntutan Semula Kedaulatan Batu Puteh, 2014-2022

*Malaysia's Efforts in the Reclamation of Sovereignty over Batu Puteh,  
2014–2022*

**Mohd Hafizal Aiman & Mohd Shazwan Mokhtar\***

Research Center for History, Politics and International Affairs, University Kebangsaan Malaysia,  
Selangor, Malaysia

\*Corresponding Author: mohdnurshafiqharun@gmail.com

### **Abstrak**

Dalam usaha menebus semula kedaulatan negara terhadap Batu Puteh, kerajaan Barisan Nasional pimpinan Najib Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-6 telah menaikkan permohonan semakan dan tafsiran semula keputusan penghakiman ICJ secara rasmi pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, usaha perundangan tersebut tergendala apabila kerajaan Pakatan Harapan (PH) pimpinan Dr. Mahathir Mohamad mengambil keputusan untuk mengugurkan permohonan semakan semula keputusan ICJ pada tahun 2018. Artikel ini meneliti usaha perundangan yang dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional dalam mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh serta menganalisis cabaran yang dihadapi dalam menjayakan usaha berkenaan. Dokumen-dokumen Mahkamah Keadilan Antarabangsa seperti “*Application For Revision*” yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia telah diteliti bagi memahami premis asas Malaysia dalam mengemukakan permohonan semakan semula tersebut. Selain itu, Laporan Suruhanjaya Tinggi Siasatan Diraja turut diteliti bagi meneliti b alasan penarikan permohonan semakan semula dilakukan oleh kerajaan Pakatan Harapan. Hasil kajian mendapati, tindakan penarikan permohonan semakan tersebut dilaksanakan selepas mendapati fakta-fakta baharu yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia dalam permohonan tersebut tidak kukuh untuk mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh kepada negara. Selain itu, kos pendakwaan yang dianggarkan menelan perbelanjaan yang tinggi turut mendorong penarikan permohonan dilaksanakan.

**Kata Kunci:** Konflik Batu Puteh; Permohonan Semakan Semula; Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ); Barisan Nasional; Pakatan Harapan.

## **Abstract**

*In an effort to reclaim national sovereignty over Batu Puteh, the Barisan Nasional government led by Najib Abdul Razak, the sixth Prime Minister of Malaysia, officially filed an application for revision and interpretation of the International Court of Justice (ICJ) judgment in 2017. However, this legal initiative was halted when the Pakatan Harapan (PH) government under the leadership of Dr. Mahathir Mohamad decided to withdraw the application for revision in 2018. This article examines the legal efforts undertaken by the Barisan Nasional government to restore sovereignty over Batu Puteh and analyses the challenges faced in realising this endeavour. Official documents from the International Court of Justice, such as Malaysia's "Application for Revision," are reviewed to understand the fundamental basis of Malaysia's claim. Additionally, this article scrutinises the report of the Royal Commission of Inquiry concerning the rationale behind the decision to withdraw the application. The study finds that the withdrawal by the Pakatan Harapan government was based on the assessment that the new facts presented in the application were not sufficiently strong to restore sovereignty over Batu Puteh. Furthermore, the high estimated cost of litigation was also a contributing factor to the withdrawal decision.*

**Keywords:** Batu Puteh Conflict; Application for Revision; International Court of Justice (ICJ); Barisan Nasional (BN); Pakatan Harapan (PH).

## **PENGENALAN**

Pasca penghakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) pada tahun 2008 menyaksikan kerajaan Malaysia telah berusaha untuk menuntut semula kedaulatan terhadap Batu Puteh menerusi mekanisme permohonan semakan semula. Permohonan tersebut difailkan secara rasmi pada 2 Februari 2017 oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah pentadbiran Najib Abdul Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia Ke-6. (Hafizal & Shazwan 2022). Permohonan tersebut telah dikemukakan selepas pasukan perundangan Malaysia yang diketuai oleh Peguam Negara iaitu Mohamed Apandi Ali berjaya menemukan tiga bukti baharu yang terdiri daripada telegram sulit antara Gabenor Singapura dan Setiausaha Negara British pada tahun 1958, memorandum berhubung kejadian "Labuan Haji" pada tahun 1958 serta sebuah peta berhubung operasi ketenteraan pihak berkuasa British di kawasan perairan Singapura pada tahun 1958 (Application for Revision 2017). Penemuan ketiga-tiga dokumen tersebut membuktikan bahawa pihak tertinggi Singapura mengakui dan mengiktiraf Batu Puteh adalah sebahagian daripada milik Malaysia pada tahun 1950-an. Oleh itu, dokumen-dokumen tersebut berpotensi untuk memberikan sebuah tafsiran baharu terhadap keputusan yang diputuskan oleh pihak mahkamah berhubung kedaulatan Batu Puteh pada tahun 2008. Secara asasnya, terdapat dua faktor utama yang mendorong kerajaan Barisan Nasional untuk mengemukakan permohonan semakan semula keputusan penghakiman ICJ. Antaranya ialah hasrat pemimpin Johor untuk mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh kepada negeri tersebut. Pasca penghakiman ICJ pada tahun 2008 menyaksikan Almarhum Sultan Johor iaitu Sultan Iskandar telah bertitah bahawa baginda tidak bersetuju dengan keputusan penghakiman ICJ yang menyerahkan kedaulatan Batu Puteh kepada kerajaan Singapura. Oleh itu, baginda turut menzahirkan hasrat untuk melaksanakan sebarang usaha yang berpotensi untuk

mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh kepada negara. Titah tersebut menggambarkan keinginan Sultan Iskandar untuk mempertahankan status kerajaan negeri Johor sebagai pemilik Batu Puteh berdasarkan kepada perspektif sejarah. Hasrat yang sama turut dizahirkan oleh anakanda baginda iaitu Sultan Ibrahim supaya kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri Johor melaksanakan sebarang langkah untuk mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh.

Dalam menilai alasan Sultan Johor mendesak kerajaan Persekutuan untuk mengemukakan permohonan semakan semula, Sufian (2017) menjelaskan desakan tersebut disuarakan adalah berlandaskan kepada merit perundangan antarabangsa yang digariskan dalam Statut ICJ. Berdasarkan kepada Artikel 60 Statut ICJ, sesebuah keputusan penghakiman yang diputuskan oleh pihak mahkamah adalah muktamad dan tidak boleh dirayu. Walau bagaimanapun, Artikel 61 Statut ICJ menjelaskan sesebuah negara memiliki hak untuk mengemukakan sebuah permohonan semakan semula keputusan penghakiman dalam tempoh 10 tahun (Sufian 2017). Menerusi mekanisme tersebut juga, pihak mahkamah diminta untuk mempertimbangkan dan menilai semula keputusan penghakiman yang diberikan berdasarkan kepada bukti-bukti baharu yang dikemukakan oleh negara yang mengemukakan permohonan. Oleh itu, permohonan semakan semula dianggap tersebut merupakan sebuah mekanisme yang boleh digunakan oleh kerajaan Malaysia mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh kepada Malaysia. Tambahan pula, mekanisme perundangan tersebut juga bukanlah sebuah mekanisme yang asing bagi negara-negara di Asia Tenggara. Rusli, Mohamed & Bautista (2014) menjelaskan mekanisme tersebut juga turut digunakan oleh kerajaan Kemboja dan kerajaan Thailand dalam menyelesaikan konflik pertikaian wilayah Kuil Preah Vihear pasca penghakiman ICJ pada tahun 2014. Oleh itu, mekanisme tersebut merupakan antara salah satu alternatif yang berpotensi memberikan peluang kepada Malaysia untuk memperolehi semula Batu Puteh daripada kerajaan Singapura.

Sarjana antarabangsa seperti Jing Zhi pula memilik pandangan yang berbeza dalam membincangkan mengenai tujuan permohonan semakan semula keputusan ICJ dikemukakan oleh kerajaan Barisan Nasional. Beliau menjelaskan permohonan semakan semula tersebut dikemukakan oleh kerajaan Malaysia bukanlah semata-mata untuk menebus maruah negara terhadap Batu Puteh. Sebaliknya, permohonan tersebut dikemukakan bagi mengukuhkan kedudukan Barisan Nasional di negeri Johor menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (Wong 2019). Pandangan tersebut adalah berlandaskan kepada faktor sejarah dan politik kerajaan negeri Johor serta hubungannya bersama Barisan Nasional. Sejak dari era pembentukan Persekutuan Tanah Melayu, negeri Johor merupakan salah satu negeri yang dikuasai oleh parti UMNO dan Barisan Nasional. Dengan membangkitkan dan memperjuangkan isu yang membabitkan kepentingan negeri Johor, kerajaan Barisan Nasional berpeluang untuk memperolehi sokongan rakyat Johor dan seterusnya mengukuhkan kedudukannya di negeri Johor menjelang PRU-14. Walau bagaimanapun, pandangan Wong adalah berbeza dengan kenyataan rasmi yang disuarakan oleh Jabatan Peguam Negara. Dalam kenyataan yang diberikan, Jabatan Peguam Negara menjelaskan bahawa permohonan semakan semula tersebut dikemukakan selepas pasukan penyelidikan negara berjaya untuk menemukan tiga bukti baharu yang berpotensi untuk mengembalikan kedaulatan Batu Puteh kepada negara.

## **PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA KEPUTUSAN PENGHAKIMAN ICJ**

Semasa pentadbiran Najib Abdul Razak, kerajaan Malaysia telah menfailkan permohonan semakan semula keputusan penghakiman ICJ bagi mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh kepada negara. Dalam sebuah persidangan Dewan Rakyat yang berlangsung pada 23 Mac 2014, Timbalan Menteri Luar Negeri iaitu Hamzah Zainuddin menjelaskan kerajaan Malaysia sedang berusaha untuk mengemukakan sebuah permohonan semakan semula ke

peringkat ICJ berhubung konflik Batu Puteh (Parlimen Malaysia, DR/23/03/2014). Setahun kemudian, hasrat yang dizahirkan oleh kerajaan Persekutuan tersebut kemudiannya digerakkan oleh Peguam Negara iaitu Apandi Ali selepas dilantik pada 27 Julai 2015. Dalam sebuah wawancara bersama Berita Harian, beliau menjelaskan salah satu agenda utama yang diberikan keutamaan selepas pelantikan beliau ialah merealisasikan hasrat Sultan Johor untuk mengembalikan semula kedaulatan Malaysia terhadap Batu Puteh (Berita Harian, 21 Februari 2017). Hal ini kerana, Batu Puteh merupakan sebahagian daripada wilayah yang bernaung di bawah Kesultanan Johor sejak dahulu lagi. Fakta tersebut turut diperakui oleh pihak mahkamah dalam penghakiman pada tahun 2008 yang menjelaskan Kesultanan Johor merupakan “pemilik asal” Batu Puteh dan kedaulatannya tidak pernah dicabar oleh mana-mana pihak (Judgement of 23 May 2008). Walau bagaimanapun, kedaulatan Kesultanan Johor ke atas Batu Puteh telah berpindah kepada kerajaan Singapura selepas pembinaan rumah api Horsburgh di Batu Puteh pada tahun 1850-an. Kekurangan tindakan “titre de souverain” oleh kerajaan Johor ke atas Batu Puteh mengakibatkan kedaulatan Batu Puteh telah berpindah milik kepada kerajaan Singapura ( Judgement of 23 May 2008). Bagi mempertahankan statusnya sebagai pemilik Batu Puteh dari perspektif sejarah, Kesultanan Johor telah menyuarakan hasrat untuk mengembalikan semula Batu Puteh kepada kerajaan Persekutuan untuk memperolehi semula Batu Puteh pasca-penghakiman ICJ. Dalam Persidangan Dewan Negeri Johor yang berlangsung pada 19 Jun 2008, Sultan Ismail bertitah bahawa “*saya suka mengingatkan semua, saya tak lupa pulau saya Batu Puteh itu bukan hak Singapura, hak Johor. Sampai bila saya cari, ikhtiar, balikkan benda tu ke Johor, itu sahaja*” (Penyata Rasmi DUN Johor, 19 Jun 2008). Kenyataan tersebut menggambarkan pendirian Sultan Johor yang tidak bersetuju dengan keputusan penghakiman ICJ dan bersedia untuk melaksanakan sebarang langkah yang berpotensi untuk mengembalikan semula Batu Puteh kepada negeri Johor. Tindakan tersebut juga turut melambangkan keinginan Sultan Johor untuk mempertahankan kedaulatan dan status kerajaan Johor sebagai “pemilik asal” terhadap Batu Puteh (Syed Mohamad, 2010). Pendirian sama turut disuarakan oleh anakanda baginda iaitu Sultan Ibrahim pada 30 Mei 2014 yang memohon supaya kerajaan Johor melaksanakan langkah-langkah untuk mengemukakan permohonan semakan semula keputusan ICJ bagi memenuhi hasrat Almarhum Sultan Iskandar. Desakan yang disuarakan oleh kerajaan negeri mendorong Peguam Negara untuk melaksanakan permohonan semakan semula keputusan bagi memperolehi semula Batu Puteh (Berita Harian, 21 Februari 2017).

Bagi menuntut semula kedaulatan terhadap Batu Puteh, kerajaan Malaysia mengambil keputusan untuk menfaikan sebuah permohonan semakan semula keputusan ICJ selaras dengan Artikel 61 Statut ICJ. Menerusi peruntukan tersebut, Malaysia memiliki hak untuk mengemukakan permohonan kepada pihak mahkamah untuk menilai semula keputusan penghakiman yang diputuskan berdasarkan kepada penemuan fakta-fakta baharu. Walau bagaimanapun, terdapat tiga kriteria utama dalam Artikel 61 yang perlu dipenuhi sebelum Malaysia mengemukakan permohonan tersebut. Pertama, permohonan tersebut haruslah berdasarkan kepada penemuan fakta-fakta baharu yang tidak diketahui oleh pihak mahkamah. Kedua, permohonan dilakukan dalam tempoh enam bulan selepas fakta-fakta baharu tersebut ditemukan. Ketiga, permohonan dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun selepas keputusan penghakiman diumumkan (Statute of the International Court of Justice, Article 61). Bagi memenuhi kriteria-kriteria tersebut, kerajaan Malaysia menerusi peranan yang dimainkan oleh Jabatan Peguam Negara melaksanakan penyelidikan di Arkib Negara United Kingdom bagi menemukan sebarang dokumen-dokumen baharu yang berpotensi untuk dilampirkan dalam permohonan kepada pihak mahkamah. Oleh itu, tiga orang pegawai penyelidik telah dilantik bagi menjalankan operasi pencarian dokumen di London bermula dari 4 Ogos 2016 sehingga 30 Januari 2017 (Application for Revision, 2017). Pelantikan tiga orang pegawai tersebut juga adalah berperanan untuk melaksanakan tugas-tugas seperti menyediakan pandangan undang-undang, meneliti dokumen-dokumen, menghadiri mesyuarat bersama perunding antarabangsa,

menyediakan dokumen serta menyediakan terjemahan dokumen-dokumen untuk rujukan perunding antarabangsa.

Bagi memastikan kerajaan Malaysia memiliki kes yang kukuh, Peguam Negara juga telah bertindak untuk merujuk Peguam Diraja serta Profesor undang-undang antarabangsa (Berita Harian, 21 Februari 2017). Jabatan Peguam Negara juga telah bertindak untuk membentuk pasukan perundangan negara yang dianggotai oleh barisan pakar perundangan terdiri daripada pakar tempatan dan pakar antarabangsa (The Straits Times, 17 February 2017). Dengan mandat yang diberikan oleh Perdana Menteri, Peguam Negara telah melantik tiga orang pakar antarabangsa iaitu Professor Malcolm Shaw, Sir Daniel Lincoln Bethlehem Q dan Dr. Brendan Plant untuk menganggotai pasukan perundangan Malaysia. Manakala, dua orang pengamal undang-undang tempatan iaitu Dato' Firoz Hussein dan Dato' Abu Bakar As-Sidek turut dilantik secara kontrak pada bulan Disember 2016 ( Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan)

Semasa penyelidikan dijalankan, pasukan penyelidikan Malaysia melakukan semakan ke atas 3,000 dokumen yang disimpan di Arkib Negara United Kingdom (Berita Harian, 21 Februari 2017). Kebanyakan dokumen yang disemak merupakan dokumen yang telah dideklasifikasi oleh kerajaan Britain selepas penghakiman ICJ diumumkan pada tahun 2008. Hasilnya, pasukan penyelidikan Malaysia berjaya menemukan tiga buah dokumen baharu yang terdiri daripada surat rasmi pihak berkuasa tanah jajahan Singapura pada tahun 1958, laporan kejadian yang direkodkan oleh seorang pegawai tentera laut British pada tahun 1958 serta sebuah peta yang mengandungi catatan operasi tentera laut pada tahun 1960-an (Berita Harian, 4 Februari 2017). Penemuan tersebut telah mendorong kerajaan Malaysia untuk meneruskan prosedur menfaillkan permohonan semakan semula keputusan penghakiman ICJ secara rasmi. Pada 31 Januari 2017, Kementerian Luar Negeri melantik Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri iaitu Ramlan Ibrahim sebagai Ejen Malaysia dan Duta Malaysia ke Belanda iaitu Ahmad Nazri Yusof sebagai Ejen Bersama untuk menganggotai pasukan perundangan Malaysia (Letter from the Minister for Foreign Affairs of Malaysia to the Registrar of the International Court of Justice, 31 January 2017). Permohonan secara rasmi untuk menyemak semula keputusan penghakiman ICJ telah dikemukakan oleh Ejen Bersama kepada Pejabat Pendaftar ICJ pada 2 Februari 2017 ( Letter from the Co-Agent of the Government of Malaysia to the Registrar of the International Court of Justice, 2 February 2017). Permohonan tersebut menandakan bahawa keyakinan Malaysia terhadap penghakiman ICJ dalam mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh.

Menerusi permohonan tersebut, pihak mahkamah telah diminta untuk mengesahkan sama ada permohonan yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia memenuhi kriteria-kriteria yang digariskan dalam Artikel 61 Statut ICJ. Sekiranya permohonan tersebut memenuhi kriteria-kriteria tersebut, pihak mahkamah diminta untuk meneruskan prosedur semakan. Dalam permohonan yang difailkan, kerajaan Malaysia menegaskan bahawa permohonan tersebut bukanlah sebuah rayuan untuk mencabar keputusan mahkamah pada tahun 2008. Hal ini bersesuaian dengan Artikel 60 Statut ICJ yang menjelaskan keputusan penghakiman mahkamah adalah bersifat muktamad dan tidak boleh dirayu. Sebaliknya, permohonan tersebut merupakan sebuah prosedur yang dilakukan bagi memaklumkan pihak mahkamah mengenai penemuan tiga bukti baharu yang diketahui oleh kerajaan Malaysia selepas penghakiman diputuskan pada tahun 2008. Penemuan dokumen-dokumen berkenaan berpotensi menyebabkan pihak mahkamah mempertimbangkan dan menilai semula keputusan penghakiman yang diberikan pada tahun 2008 berhubung kedaulatan Batu Puteh. Kerajaan Malaysia juga berpendirian bahawa bukti-bukti baharu tersebut membuktikan Batu Puteh adalah milik Malaysia dan mendorong pihak mahkamah untuk mengubah semula keputusan

yang diputuskan terhadap kedaulatan Batu Puteh pada tahun 2008 (Application for Revision, 2017).

## **PENEMUAN TIGA BUKTI BAHARU YANG MENYOKONG KES MALAYSIA**

Dalam permohonan semakan semula yang dikemukakan, tiga buah dokumen yang terdiri daripada telegram sulit antara Gabenor Singapura dan Setiausaha Negara British pada tahun 1958, memorandum berhubung insiden “Labuan Haji” pada tahun 1958 dan sebuah peta berhubung operasi ketenteraan pihak berkuasa Singapura di kawasan perairan Singapura pada tahun 1960-an telah dilampirkan sebagai bukti baharu yang menyokong tuntutan Malaysia ke atas Batu Puteh. Berdasarkan kepada tafsiran awal yang dilakukan oleh pasukan perundangan Malaysia, dokumen-dokumen tersebut membuktikan pihak berkuasa Singapura tidak menganggap Batu Puteh sebagai salah satu kawasan yang berada di bawah pentadbiran Singapura (Application for Revision, 2017). Pasukan perundangan Malaysia juga telah mendapatkan pandangan awal daripada Peguam Diraja berhubung dengan penemuan dokumen-dokumen tersebut dan Peguam Diraja menjelaskan kerajaan Malaysia memiliki asas yang kukuh untuk meneruskan tindakan permohonan semakan semula keputusan ICJ bagi mengembalikan kedaulatan Batu Puteh kepada negara (Parlimen Malaysia 29 Mac 2017). Justeru itu, penemuan dokumen-dokumen tersebut berpotensi untuk memberikan satu tafsiran baharu terhadap keputusan penghakiman yang diberikan oleh ICJ pada tahun 2008 serta memberikan peluang kepada kerajaan Malaysia untuk mendapatkan semula Batu Puteh.

Dokumen pertama yang dilampirkan dalam permohonan ialah telegram sulit antara Gabenor Singapura dan Setiausaha Negara British bagi Koloni pada tahun 1958 yang membincangkan mengenai isu wilayah perairan Singapura. Pada 18 Januari 1958, Setiausaha Negara British mengirimkan telegram kepada Gabenor Singapura untuk meminta pandangan republik tersebut berhubung cadangan memperluaskan had perairan wilayah Singapura dari batu nautika kepada 6 batu nautika (FCO 141/1480, 1958). Menerusi telegram tersebut, kerajaan British tidak bersetuju dengan cadangan untuk melebarkan had perairan wilayah Singapura kepada 6 batu nautika kerana dikhawatiri akan menimbulkan kesulitan kepada pihak berkuasa Singapura pada masa akan datang. Oleh itu, kerajaan British mengutarakan pandangan untuk mengekalkan had 3 batu nautika bagi kawasan perairan wilayah Singapura. Menerusi telegram tersebut, Setiausaha Negara British meminta pandangan daripada Gabenor Singapura berhubung isu persempadanan. Sebagai respon, Gabenor Singapura telah memberikan jawapan dengan menegaskan bahawa republik tersebut memiliki pendirian yang sama seperti Setiausaha Negara British untuk mengekalkan had 3 batu nautika bagi perairan wilayah Singapura (FCO 141/1480, 1958). Dalam telegram pada 7 Februari 1958, Gabenor Singapura menjelaskan tindakan meluaskan perairan wilayah Singapura kepada 6 batu nautika bakal menimbulkan pelbagai kesan terhadap kapal-kapal asing yang memasuki laluan perairan antarabangsa di Selat Singapura. Cadangan tersebut akan mengecilkan laluan Selat Singapura untuk kegunaan kapal-kapal asing serta mengehadkan laluan perairan antarabangsa. Ketiadaan laluan perairan antarabangsa sebagai laluan bebas yang digunakan oleh kapal-kapal asing akan memperlambangkan perjalanan kapal-kapal asing yang melalui Selat Singapura. Namun begitu, Gabenor Singapura menjelaskan sekiranya cadangan meluaskan had perairan Singapura terpaksa dilaksanakan, republik tersebut mengusulkan supaya sebuah koridor laluan perairan antarabangsa selebar 1 batu disediakan untuk kegunaan kapal-kapal asing yang melalui perairan Selat Singapura (FCO 141/1480, 1958).

Keperluan untuk menyediakan sebuah laluan perairan antarabangsa adalah penting bagi memberikan kebebasan kepada kapal-kapal asing untuk melakukan pelayaran tanpa dikenakan sebarang bentuk sekatan daripada mana-mana negara. Dengan mewujudkan laluan perairan antarabangsa, kapal-kapal asing memiliki akses untuk memasuki Selat Singapura tanpa

dikenakan sebarang sekatan daripada negara-negara lain. Bagi melaksanakan cadangan tersebut, Gabenor Singapura mencadangkan supaya koridor perairan antarabangsa tersebut merangkumi tiga kawasan selat iaitu kerajaan Singapura, wilayah Persekutuan Tanah Melayu di bahagian utara serta wilayah Indonesia di bahagian selatan (FCO 141/1480, 1958). Selain itu, laluan perairan antarabangsa tersebut haruslah terletak jauh daripada kawasan-kawasan rumah api termasuklah 1 batu nautika dari Batu Puteh. Berdasarkan kepada kandungan dan perbincangan antara Gabenor Singapura dan Setiausaha Negara British menerusi telegram sulit 1958 tersebut, kerajaan Malaysia berpendirian bahawa pihak berkuasa Singapura tidak menganggap Batu Puteh sebagai salah satu daripada kawasan perairannya (FCO 141/1480, 1958). Sekiranya Batu Puteh merupakan sebahagian daripada republik tersebut, Gabenor Singapura tidak akan memberikan cadangan untuk mewujudkan koridor perairan antarabangsa dengan mengecualikan kawasan Batu Puteh secara khusus (*Application for Revision*, 2017). Sebaliknya, republik tersebut akan memanfaatkan kawasan perairan Batu Puteh untuk digunakan sebagai laluan perairan antarabangsa bagi menjayakan rancangannya.

Dokumen kedua yang dilampirkan oleh kerajaan Malaysia dalam permohonan semakan semula ialah sebuah memorandum yang ditemui dalam fail arkib British pada tahun 1958. Memorandum tersebut mengandungi perbincangan antara pegawai British iaitu Mr. Wickens dan Govenor Singapura mengenai sebuah kapal yang dikenali sebagai “Labuan Haji”. Pada 25 Februari 1958, Labuan Haji yang merupakan sebuah kapal yang dimiliki oleh Singapura telah berlepas dari pelabuhan Singapura menuju ke Patani, Thailand. Namun begitu, Ketua Pegawai Pelabuhan Singapura (Master Attendant) menerima panggilan kecemasan dari kapal berkenaan yang memaklumkan bahawa sebuah bot bersenjata Indonesia sedang mengekori kapal tersebut di sekitar kawasan perairan terletaknya rumah api Horsburgh. Dalam usaha untuk menangani ancaman daripada bot bersenjata Indonesia, Tentera Laut Singapura (RSN) tidak dibenarkan untuk mencampuri urusan yang berlaku di dalam kawasan perairan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu. Hal ini kerana, insiden tersebut berlaku di sekitar kawasan rumah api Horsburgh yang terletak dalam kawasan perairan negeri Johor (FCO 141/1480). Tindakan kerajaan Singapura mencerobohi dan menguruskan insiden tersebut dikhuatiri akan mengugat kedaulatan kerajaan Persekutuan Malaya. Oleh itu, Tentera Laut Diraja Malaya (RMN) memainkan peranan yang signifikan dengan melancarkan sebuah operasi untuk menyelamatkan kapal Labuan Haji. Sebuah kapal RMN dilaporkan telah berlepas dari Telok Ayer untuk memberikan bantuan kepada kapal Singapura tersebut. Walau bagaimanapun, kakitangan kapal Labuan Haji memaklumkan bahawa bot bersenjata Indonesia telah berhenti mengekori kapal milik Singapura tersebut. Berdasarkan kepada kejadian yang direkodkan dalam fail tersebut, pasukan perundangan Malaysia berhujah bahawa pihak berkuasa Singapura tidak menganggap Batu Puteh sebagai salah satu wilayah yang berada dalam perairannya. Sebaliknya, pihak berkuasa Singapura mengiktiraf Batu Puteh sebagai salah satu kawasan yang berada di dalam kawasan perairan negeri Johor. Pengiktirafan secara langsung terhadap kedaulatan Malaysia ke atas Batu Puteh juga dapat diperhatikan apabila pihak berkuasa Singapura mengeluarkan arahan khusus kepada RSN supaya tidak mencampuri urusan di perairan negeri Johor yang ditadbir oleh kerajaan Persekutuan (*Application for Revision*). Tindakan RMN yang melaksanakan operasi untuk menyelamatkan kapal Labuan Haji juga tidak menerima sebarang bantahan daripada pihak Singapura. Oleh itu, kejadian yang direkodkan dalam dokumen British tersebut membuktikan bahawa republik tersebut memiliki pemahaman yang jelas terhadap kedaulatan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu terhadap Batu Puteh menjelang tahun 1958.

Dokumen terakhir yang dikemukakan dalam permohonan tersebut ialah sebuah peta operasi kawalan terhadap wilayah perairan Singapura pada tahun 1964 sehingga tahun 1966. Peta tersebut ditemui dalam sebuah fail yang disediakan oleh Komander British bagi Armada Timur Jauh yang bertajuk “Operasi Tentera Laut di Selat Melaka dan Singapura 1964-1966” (DEFE 69/538). Berdasarkan penelitian yang dilakukan, peta tersebut merupakan sebuah peta sempadan perairan Singapura yang dijadikan sebagai rujukan oleh pihak berkuasa Singapura untuk menjalankan operasi kawalan dari tahun 1962 sehingga tahun 1966. Menerusi peta tersebut, pihak berkuasa Singapura merekodkan kawasan-kawasan yang berada di dalam kawasan perairannya untuk menjalankan operasi kawalan dan rondaan. Walau bagaimanapun, garisan sempadan perairan yang dilakarkan dalam peta tersebut tidak memasukkan Batu Puteh yang terletak berhampiran negeri Johor sebagai salah satu wilayah yang dimiliki Singapura. Selain itu, terdapat juga catatan pada bulan Februari 1966 di atas peta tersebut yang menerangkan bahawa peta tersebut disemak oleh kerajaan Singapura setiap bulan dan dikemaskini mengikut keperluan. Dalam catatan yang sama, peta yang digunakan oleh kerajaan Singapura tersebut tidak pernah diubah sejak dari 25 Mac 1962. Memandangkan tiada sebarang perubahan yang dilaksanakan untuk memasukkan Batu Puteh ke dalam kawasan Singapura dari tahun 1962 sehingga tahun 1966, pasukan perundangan Malaysia berhujah bahawa pihak berkuasa Singapura tidak menganggap Batu Puteh sebagai sebahagian daripada wilayahnya (DEFE 69/538). Sekiranya republik tersebut menganggap Batu Puteh sebagai miliknya, batuan maritim tersebut akan dimasukkan dalam peta tersebut dan menjadi salah satu kawasan yang dikawal oleh pihak berkuasa Singapura. Selain tiga bukti tersebut, kerajaan Malaysia juga turut melampirkan dua bukti yang difailkan sebagai “Fakta Tambahan” yang terdiri daripada sebuah peta yang dikenali sebagai “Peta Perairan Wilayah Johor” pada tahun 1937 (George 2017). Peta tersebut merupakan sebuah peta yang dihasilkan semasa pentadbiran Sultan Sir Ibrahim yang jelas menunjukkan kedaulatan Batu Puteh adalah sebahagian daripada milik Johor.

Oleh itu, ketiga-tiga dokumen yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia memiliki asas yang kukuh bagi membuktikan pihak berkuasa Singapura mengakui Batu Puteh merupakan sebahagian daripada milik kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, ahli akademik dalam bidang perundangan antarabangsa memiliki pandangan yang berbeza terhadap dokumen-dokumen yang dijadikan sebagai asas penghujahan kerajaan Malaysia. Wong (2017) berpandangan permohonan semakan semula keputusan ICJ yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia adalah tidak relevan dan tidak mematuhi peruntukan kriteria yang digariskan dalam Artikel 61 Statut ICJ. Walaupun kerajaan Malaysia berjaya untuk menemukan tiga bukti baharu, Wong berpandangan bahawa bukti-bukti tersebut tidak mencukupi untuk mendorong pihak mahkamah supaya mengubah semula keputusan yang dimuktamadkan pada tahun 2008 (Wong 2017). Dokumen-dokumen tersebut juga tidak mempunyai impak yang besar untuk mencabar kedaulatan dan mengubah fakta berhubung pengaruh kerajaan Singapura terhadap Batu Puteh dan perairannya sejak tahun 1850-an.

## **RESPON TERHADAP PERMOHONAN SEMAKAN SEMULA YANG DIFAILKAN OLEH KERAJAAN MALAYSIA**

Tindakan kerajaan Persekutuan pimpinan Najib Abdul Razak melaksanakan usaha menuntut semula kedaulatan Batu Puteh menerusi mekanisme permohonan semakan semula keputusan penghakiman ICJ merupakan sebuah langkah yang menerima sokongan dalam kalangan ahli

politik Malaysia. Di peringkat Dewan Rakyat, ahli-ahli Parlimen Malaysia menyambut baik usaha penyelidikan yang dilaksanakan oleh Peguam Negara dan pasukan penyelidikan Malaysia yang berjaya menemukan dokumen-dokumen baharu. Penemuan tersebut menerima puji daripada Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Azalina Othman pada 23 Mei 2017 dalam sebuah sesi sidang Dewan Rakyat yang berlangsung pada 23 Mac 2017 (Parlimen Malaysia, DR/23/03/2017). Salah satu parti komponen BN iaitu Malaysian Chinese Association (MCA) juga turut menyokong usaha baik kerajaan Persekutuan untuk menuntut semula kedaulatan terhadap Batu Puteh berdasarkan kepada penemuan bukti-bukti baharu. (*The Straits Times*, 5 February 2017). Sokongan tersebut diberikan oleh ahli politik Malaysia kerana tindakan perundangan tersebut merupakan salah satu inisiatif yang berpotensi untuk mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh kepada Malaysia.

Meskipun memiliki iltizam dan matlamat politik yang berbeza, usaha perundangan kerajaan Barisan Nasional tersebut turut menerima sokongan daripada pihak pembangkang. Antaranya seperti Ahli Parlimen Permatang Pauh iaitu Wan Azizah Wan Ismail dari Parti Keadilan Rakyat (PKR) mewakili blok pembangkang yang mengalu-alukan usaha perundangan yang dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan. Beliau menasihatkan pasukan perundangan Malaysia untuk menyediakan penghujahan yang disokong dengan pembuktian yang kukuh serta melaksanakan persiapan yang rapi untuk menuntut semula kedaulatan terhadap Batu Puteh (Parlimen Malaysia, 8 Mac 2017). Sokongan tersebut memberikan mesej yang jelas bahawa usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan merupakan sebuah usaha yang diinginkan oleh ahli politik Malaysia bagi menebus semula maruah negara. Bagi Ahli Parlimen Kota Tinggi iaitu Mohd Harun Narrashid pula, usaha kerajaan Persekutuan merupakan sebuah tindakan yang wajar untuk mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh kepada negara. Oleh itu, beliau menggesa kerajaan Persekutuan untuk meneruskan permohonan tersebut walaupun hanya memiliki “sekelumit bukti” untuk mengembalikan semula wilayah tersebut kepada pemilik asalnya. Ini bermakna, ahli politik Malaysia menyokong pendirian kerajaan Persekutuan yang menggunakan mekanisme perundangan di ICJ untuk kali kedua meskipun keputusan penghakiman yang diumumkan pada tahun 2008 tidak memihak kepada negara. Selain itu, ahli-ahli Parlimen juga turut menzahirkan harapan agar keputusan permohonan semakan semula keputusan ICJ yang dikemukakan akan memihak kepada kerajaan Malaysia (Parlimen Malaysia, DR/13/03/2017).

Di peringkat negeri Johor pula, Sultan Johor iaitu Sultan Ibrahim turut menzahirkan sokongan terhadap usaha kerajaan Persekutuan pimpinan Najib Abdul Razak untuk memperolehi semula kedaulatan Batu Puteh (*Berita Harian*, 24 November 2017). Hal ini kerana, kerajaan Persekutuan mengambil pendirian untuk menunaikan titah yang disuarakan oleh Sultan Johor untuk mengembalikan semula Batu Puteh kepada negeri Johor yang merupakan pemilik asal Batu Puteh. Sekiranya kedaulatan Batu Puteh berjaya dikembalikan kepada negara, Sultan Johor turut menyatakan kesediaan untuk bekerjasama dengan kerajaan Singapura bagi membincangkan mengenai isu pengurusan dan pentadbiran rumah api Horsburgh di Batu Puteh seperti yang dilaksanakan oleh kedua buah negara berkenaan di Pulau Pisang (*The Straits Times*, 24 November 2017). Walaupun usaha perundangan yang dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan memperolehi sokongan di peringkat persekutuan dan negeri Johor, segelintir ahli Parlimen dari blok pembangkang telah memandang negatif terhadap usaha yang dilaksanakan. Pandangan dan kritikan terhadap usaha kerajaan Persekutuan tersebut disuarakan menerusi Dewan Rakyat. Dalam sebuah sidang Dewan Rakyat yang berlangsung pada 23 Mac 2017, Ahli Parlimen Sepang iaitu Hanipa Maidin

mempersoalkan tahap kebersediaan kerajaan Persekutuan untuk mengemukakan permohonan semakan semula. Hal ini kerana, penemuan dokumen-dokumen tersebut ditemui dalam tempoh 7 tahun selepas keputusan penghakiman diumumkan pada tahun 2008. Tempoh yang singkat yang berbaki sebanyak 3 tahun tersebut merupakan sebuah tempoh yang singkat bagi pasukan perundangan Malaysia untuk melaksanakan persediaan yang rapi. Di samping itu, beliau turut mengingatkan kerajaan Persekutuan untuk tidak beretorik dalam isu kedaulatan Batu Puteh serta berhenti memberikan harapan palsu kepada rakyat yang menginginkan Batu Puteh dikembalikan semula kepada negara (Parlimen Malaysia, DR/23/03/2017).

Dalam sidang yang sama, Ahli Parlimen Shah Alam iaitu Khalid Abdul Samad mewakili Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mendakwa kerajaan Persekutuan menggunakan isu tersebut sebagai salah satu usaha untuk menarik sokongan pengundi bagi menghadapi PRU-14 yang bakal berlangsung tidak lama lagi (Parlimen Malaysia, DR/23/03/2017). Memandangkan isu kedaulatan Batu Puteh merupakan sebuah isu sensitif bagi negeri Johor, tindakan kerajaan Persekutuan yang mengemukakan permohonan semakan semula tersebut ditafsirkan sebagai satu tindakan untuk memperolehi sokongan politik dari rakyat Johor. Namun begitu, dakwaan tersebut telah dibidas oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang menjelaskan bahawa permohonan semakan semula keputusan ICJ yang dikemukakan oleh kerajaan Persekutuan bukanlah sebuah mainan politik. Hal ini kerana, permohonan yang difaiklan oleh Malaysia tersebut telah diproses dan diterima oleh Pejabat Pendaftar ICJ pada bulan Februari 2017. Di samping itu, kerajaan Persekutuan juga telah memastikan permohonan semakan tersebut dilaksanakan dengan memenuhi kriteria yang digariskan oleh ICJ termasuklah melampirkan dokumen-dokumen yang mengandungi fakta-fakta baharu. Selain itu, permohonan yang dikemukakan juga telah dilaksanakan dalam tempoh yang diperuntukan selaras dengan Artikel 61 Statut ICJ iaitu dalam jangka masa 10 tahun dari tarikh penghakiman diberikan (Parlimen Malaysia, DR/23/03/2017). Oleh itu, tindakan kerajaan Persekutuan untuk menuntut kedaulatan semula kedaulatan Batu Puteh adalah berlandaskan kepada usaha untuk menebus semula maruah negara dan tidak bermotifkan kepada retorik politik seperti dakwaan pembangkang.

Naratif yang sama turut disuarakan oleh pemimpin Singapura terhadap tindakan kerajaan Malaysia yang telah mengemukakan permohonan semakan semula pada tahun 2017. Dalam Konvensyen Parti People's Action Party (PAP) yang berlangsung pada 19 November 2017, Perdana Menteri Singapura iaitu Lee Hsien Loong menjelaskan tindakan kerajaan Malaysia mengemukakan permohonan semakan semula adalah bertujuan untuk meraih sokongan politik bagi menghadapi PRU-14. Beliau menegaskan isu berhubung kedaulatan Batu Puteh merupakan sebuah isu bilateral yang telah lama diselesaikan oleh kedua buah negara menerusi peranan ICJ pada tahun 2008 dan keputusan tersebut telah diterima oleh kedua-dua buah negara dengan hati yang terbuka. Namun begitu, tindakan kerajaan Malaysia mengemukakan permohonan untuk menyemak semula keputusan penghakiman selepas hampir sedekad konflik diselesaikan di peringkat ICJ menimbulkan keraguan dan persoalan bagi pihak Singapura. Dalam isu tersebut, beliau mendakwa bahawa tindakan perundangan tersebut dilakukan bagi mendapatkan sokongan politik menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14. Kenyataan tersebut telah mencetuskan reaksi Pemuda UMNO kerana berpotensi meremehkan usaha yang dilaksanakan oleh pasukan perundangan Malaysia dan Jabatan Peguam Negara bermula dari tahun 2016. Akibat daripada kenyataan tersebut, Pemuda UMNO telah menfaiklan sebuah memorandum bertulis kepada Perdana Menteri Singapura pada 20 November 2017 bagi membantah dakwaan yang disuarakan (The Straits Times, 21 November

2017). Sebagai respon terhadap kenyataan Perdana Menteri Singapura, Ketua Pemuda UMNO iaitu Khairy Jamaluddin mengcam komen yang dilontarkan dan menyifatkan kenyataan tersebut memiliki kecenderungan untuk menjelaskan hubungan baik antara Malaysia-Singapura. Berhubung permohonan semakan semula keputusan dan permohonan tafsiran semula, beliau menegaskan permohonan semakan semula tersebut tidak dilaksanakan secara sambil lewa tanpa sebarang alasan yang kukuh (Berita Harian, 22 November 2017). Ketua Pemuda UMNO juga menegaskan sekiranya permohonan tersebut merupakan sebuah propaganda politik, kerajaan Persekutuan akan segera membubarkan Parlimen Malaysia selepas permohonan dikemukakan. Namun begitu, Parlimen Malaysia masih belum dibubarkan oleh kerajaan Persekutuan walaupun permohonan telah dikemukakan kepada pihak mahkamah. Tindakan tersebut membuktikan bahawa kerajaan Malaysia tidak menggunakan isu kedaulatan Batu Puteh sebagai modal politik bagi meraih sokongan pengundi menjelang PRU Ke-14. Dalam isu tersebut, Peguam Negara iaitu Mohamed Apandi Ali juga turut bersetuju dengan kenyataan Ketua Pemuda UMNO yang menegaskan bahawa permohonan yang dikemukakan tidak mempunyai sebarang kaitan dengan isu politik negara. Sebaliknya, permohonan tersebut dikemukakan adalah berdasarkan kepada penemuan fakta-fakta baharu yang ditemukan oleh pasukan perundangan Malaysia selaras dengan perundangan antarabangsa (Berita Harian, 22 November 2017).

Permohonan semakan semula keputusan ICJ tersebut juga turut mengundang respon daripada pasukan perundangan Singapura. Dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia sebagai bukti baharu turut dipertikaikan oleh kerajaan Singapura menerusi sebuah dokumen pemerhatian bertulis yang dikemukakan kepada pihak ICJ pada 24 Mei 2017. (Ministry of Foreign Affairs Singapore, 2017). Antara isu yang dibangkitkan ialah isu tarikh penemuan dokumen-dokumen tersebut. Dalam permohonan yang dikemukakan, kerajaan Malaysia menjelaskan bahawa dokumen-dokumen baru tersebut merupakan dokumen yang telah dideklasifikasikan oleh Arkib Negara United Kingdom selepas keputusan penghakiman diumumkan pada tahun 2008. Namun begitu, kerajaan Singapura mendedahkan bahawa salah satu dokumen Malaysia iaitu fail “DEFE 69/539 : Operasi Tentera Laut di Selat Melaka dan Singapura 1964-1966” telah dideklasifikasikan pada tahun 2005 sebelum keputusan penghakiman diberikan. Selepas berhubung dengan pihak Arkib Negara United Kingdom, kerajaan Singapura mendedahkan bahawa dokumen tersebut telah dipindahkan ke Arkib Negara United Kingdom pada 20 September 2002 dan didedahkan untuk penyelidikan pada 21 April 2005 (Written Observation of Singapore, 2017). Keadaan ini membuktikan bahawa dokumen yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia merupakan dokumen yang telah lama dideklasifikasikan oleh pihak Arkib Negara United Kingdom sebelum tahun 2008. Dakwaan tersebut juga telah menafikan kerelevan dokumen DEFE 69/539 yang dikemukakan oleh Malaysia sebagai salah satu bukti baharu dalam permohonan semakan semula.

Selain itu, kerajaan Singapura juga turut mempertikaikan status dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia sebagai “bukti baharu”. Berdasarkan kepada perspektif Singapura, kerajaan Malaysia sebenarnya telah menemukan dokumen-dokumen yang bakal digunakan dalam permohonan semakan semula keputusan penghakiman ICJ seawal tahun 2015 (Written Observation of Singapore, 2017). Dakwaan tersebut muncul apabila salah seorang ahli delegasi Malaysia yang terlibat dalam pasukan perundangan Malaysia iaitu Professor Shahrir Talib telah menerbitkan dan membincangkan mengenai kandungan dokumen-dokumen baharu tersebut pada tahun 2015 dalam laman web penyelidikannya. Menurut Professor Shahrir Talib, kerajaan Malaysia telah menemui dokumen-dokumen baharu

yang berpotensi untuk digunakan dalam prosiding permohonan semakan semula keputusan penghakiman ICJ seperti fail Govenor Negeri Selat pada tahun 1907 dan Perjanjian Negeri-Negeri Selat dan Kerajaan Johor 1927 (*Written Observation of Singapore*, 2017). Menerusi dokumen-dokumen tersebut, Profesor Shahrir Talib menjelaskan bahawa bukti-bukti tersebut memberikan perspektif baharu yang membuktikan bahawa kerajaan British mengakui kedaulatan Batu Puteh adalah milik Kesultanan Johor. Pengiktirafan kerajaan British terhadap kedaulatan Kesultanan Johor ke atas Batu Puteh turut direkodkan dalam dokumen-dokumen tersebut. Namun begitu, kandungan dan perkongsian mengenai dokumen-dokumen baharu tersebut telah diturunkan oleh kerajaan Malaysia selepas didapati menyalahi Seksyen 263 (2) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. (*Written Observation of Singapore*, 2017).

Berdasarkan kepada penemuan tersebut, kerajaan Singapura menegaskan bahawa dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2017 tidak boleh dianggap sebagai sebuah “bukti baharu”. Selain itu, permohonan yang dilakukan menerusi dokumen-dokumen tersebut adalah tidak selaras dengan kriteria yang digariskan dalam Artikel 61 Statut ICJ yang menegaskan bahawa “permohonan semakan semula keputusan penghakiman haruslah dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan selepas bukti-bukti baharu ditemukan”. Oleh itu, kerajaan Singapura berpendirian bahawa permohonan yang difailkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2017 harus ditolak oleh pihak mahkamah kerana tidak menepati Artikel 61 Statut ICJ. Walau bagaimanapun, dakwaan tersebut tidak memberikan sebarang implikasi terhadap status dokumen-dokumen yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia dalam permohonan semakan semula. Hal ini kerana, dokumen-dokumen tersebut diterbitkan oleh ahli akademik yang tidak memiliki kuasa untuk melaksanakan dan menfaillkan permohonan secara rasmi bagi pihak kerajaan Malaysia. Selain itu, dokumen-dokumen yang ditemukan tersebut adalah berbeza dengan tiga dokumen yang dikemukakan dalam dokumen permohonan yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2017. Walaupun begitu, pihak mahkamah tidak memberikan sebarang respon terhadap penghujahan yang dikemukakan oleh kerajaan Singapura dan menerima permohonan yang dikemukakan oleh Malaysia. Pihak mahkamah juga telah bertindak untuk mengeluarkan tarikh perbicaraan lisan antara kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura yang dijadualkan bermula pada 11 Jun sehingga 18 Jun 2018 (Press Release, No. 2018/18).

## **PERMOHONAN TAFSIRAN SEMULA KEPUTUSAN ICJ**

Dalam usaha untuk mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh, kerajaan Persekutuan pimpinan BN juga berhasrat untuk menyelesaikan isu-isu teknikal yang dihadapi bersama kerajaan Singapura dalam mengimplentasikan keputusan ICJ. Pasca penghakiman ICJ pada tahun 2008 menyaksikan perkembangan yang positif terhadap hubungan Malaysia-Singapura apabila kedua buah negara telah menubuhkan sebuah jawatankuasa bersama yang dikenali sebagai “Malaysia-Singapore Joint Technical Committee (MSJTC)” pada 3 Jun 2008. Penubuhan jawatankuasa teknikal tersebut adalah bertujuan untuk menetapkan garis persempadanan maritim antara dua negara di antara kawasan Batu Puteh dan Batuan Tengah. Selain itu, melaksanakan keputusan penghakiman ICJ pada tahun 2008 termasuklah membincangkan mengenai isu-isu berkaitan aktiviti perikanan, maritim dan pengurusan ruang udara antara kedua buah negara (Malaysia-Singapore Joint Technical Committee (MSJTC), Term of Reference of the Malaysia and the Republic of Singapore Joint Technical Committee). Penetapan garis sempadan dan menentukan kedaulatan Tubir Selatan merupakan dua isu utama yang perlu dilaksanakan oleh kedua buah negara di peringkat bilateral pasca penghakiman ICJ.

Hal ini kerana, pihak mahkamah hanya bertanggungjawab untuk memberikan keputusan penghakiman dan tidak memiliki kuasa untuk mengimplementasikan keputusan penghakiman. Walau bagaimanapun, jawatankuasa teknikal tersebut mengambil tempoh yang lama dalam mengimplementasikan keputusan penghakiman ICJ. Antara tindakan terawal yang dilaksanakan oleh kedua buah negara menerusi MSJTC ialah menjalankan penyelidikan hidrografik di Batu Puteh dan Batuan Tengah bagi mengumpulkan data-data hidrografik sebagai persediaan sebelum melaksanakan perbincangan lebih lanjut mengenai persempadanan maritim yang bakal ditetapkan (Malaysia-Singapore Joint Technical Committee (MSJTC), Memorandum of Understanding Between the Government of Malaysia and the Republic of Singapore With Regards to The Joint Hydrographics Survey In and Around Pedra Branca and Middle Rocks). Penyelidikan tersebut mengambil tempoh selama empat tahun dan melalui 14 mesyuarat sebelum berjaya diselesaikan pada bulan Februari 2012 (Kadir 2015). Selepas penyelidikan hidrografik tersebut berjaya dilaksanakan, Perdana Menteri Malaysia dan Perdana Menteri Singapura mencapai kata sepakat untuk menetapkan sempadan perairan antara dua buah negara di kawasan Batu Puteh dan Batuan Tengah (Joint Statement by Prime Minister Lee Hsien Loong and Prime Minister Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak at the Singapore-Malaysia Leader's Retreat in Singapore, 19 February 2013). Namun begitu, usaha tersebut tidak berjaya dilaksanakan akibat ketiadaan sebarang respon daripada kedua-dua pihak untuk menjalankan gerak kerja selepas berlangsungnya Majlis Pemukiman Ketujuh Ketua Kerajaan Malaysia - Singapura.

Akibat daripada perkembangan yang tidak positif, garis persempadanan maritim antara Batu Puteh yang dimiliki oleh kerajaan Singapura dan Batuan Tengah yang dimiliki oleh kerajaan Malaysia tidak berjaya untuk ditetapkan sehingga ke hari ini. Selain itu, kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura turut berhadapan dengan perbezaan pandangan mengenai isu kedaulatan Tubir Selatan. Berdasarkan kepada penghakiman yang diputuskan oleh pihak ICJ pada tahun 2008, pihak mahkamah tidak memberikan penghakiman yang jelas berhubung kedaulatan Tubir Selatan. Dalam penghakiman yang diberikan, pihak mahkamah berpandangan bahawa kedaulatan Tubir Selatan haruslah diberikan kepada negara yang menjadi kawasan perairan terletaknya batuan maritim tersebut (Abdul Ghafur 2011). Dalam isu tersebut, kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura memiliki pandangan yang berbeza. Dari perspektif kerajaan Malaysia, Tubir Selatan merupakan sebahagian daripada milik Malaysia disebabkan oleh kedudukannya yang terletak kira-kira 7.9 batu nautika dari negeri Johor dan 1.9 batu nautika dari Batuan Tengah. Kedudukan geografinya yang terletak hampir dengan Batuan Tengah dan negeri Johor telah menjadikan batuan maritim tersebut sebagai sebahagian daripada kawasan perairan Malaysia (MFA, EC 52/2008). Pendirian tersebut adalah selaras dengan keputusan penghakiman yang diumumkan oleh pihak ICJ pada tahun 2008. Bagi menegaskan kedaulatan terhadap Tubir Selatan, kerajaan Malaysia juga telah bertindak mengarahkan empat orang kakitangan untuk memasang beberapa alat kelengkapan teknikal di Tubir Selatan pada tahun 2008.

Tindakan unilateral yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia terhadap Tubir Selatan tersebut menerima bantahan daripada republik Singapura. Kerajaan Singapura menyifatkan tindakan tersebut adalah bertentangan dengan semangat kerjasama yang dipegang dalam MSJTC dalam mengimplementasikan keputusan ICJ (MFA/SEA/00025/2008). Kerajaan Singapura juga tidak bersetuju dengan pendekatan kerajaan Malaysia yang menentukan kedaulatan Tubir Selatan secara unilateral tanpa melaksanakan sebarang perbincangan terperinci bersama kerajaan Singapura. Republik tersebut berpandangan kedaulatan Tubir

Selatan haruslah ditentukan melalui perbincangan rasmi yang dilaksanakan oleh kedua buah negara di peringkat MSJTC (MFA/SEA/00003/2010). Justeru itu, kerajaan Malaysia diminta untuk menghentikan pelaksanaan sebarang aktiviti di Tubir Selatan sehingga isu persempadanan maritim antara dua negara dimuktamadkan. Walaupun begitu, kerajaan Malaysia menegaskan semua aktiviti yang dilaksanakan di kawasan Tubir Selatan adalah sah berdasarkan penghakiman ICJ (ICJ, Request for Interpretation of the Judgment of 23 May 2008). Akibat perbezaan pandangan berhubung keputusan penghakiman ICJ, isu kedaulatan Tubir Selatan menjadi sebuah isu yang tidak berjaya diselesaikan oleh kedua buah negara pasca penghakiman ICJ.

Oleh itu, kerajaan Malaysia mengambil keputusan untuk mengemukakan sebuah permohonan tafsiran semula kepada pihak mahkamah berhubung keputusan penghakiman yang diberikan pada tahun 2008. Permohonan tafsiran semula tersebut difaiklan selepas mendapat syor daripada Peguam Negara Malaysia yang berpandangan keputusan penghakiman ICJ adalah bersifat tidak jelas khususnya dalam menentukan kedaulatan Tubir Selatan (Request for Interpretation). Menerusi mekanisme permohonan pentafsiran semula, pihak mahkamah akan memberikan penjelasan dan pemahaman semula kepada kedua buah negara berhubung keputusan yang dimuktamadkan pada tahun 2008. Keputusan untuk menfaiklan permohonan tafsiran tersebut telah dipersestujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 24 Mei 2017 dan difaiklan secara rasmi pada 30 Jun 2017 (Abdul Ghafur Hamid 2019). Namun begitu, permohonan tersebut menerima bantahan daripada republik Singapura yang berpandangan bahawa keputusan ICJ pada tahun 2008 merupakan sebuah keputusan yang jelas dan muktamad. Selain itu, permohonan tafsiran semula yang dilakukan oleh kerajaan Malaysia adalah sebuah tindakan yang tidak berasas kerana isu yang dihadapi oleh kedua buah negara boleh diselesaikan di peringkat bilateral menerusi peranan MSJTC (MFA, Malaysia's Application for Interpretation of the International Court of Justice's Judgment on Sovereignty over Pedra Branca, Middle Rocks and South Ledge).

## **CABARAN DALAM MENUNTUT SEMULA KEDAULATAN BATU PUTEH**

Usaha perundangan yang dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan pimpinan Najib Abdul Razak untuk mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh telah digendala selepas parti Barisan Nasional ditewaskan oleh Pakatan Harapan (PH) dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14). Kemenangan Pakatan Harapan yang dipimpin oleh Tun Dr. Mahathir Mohamad telah menamatkan dominasi pentadbiran parti BN yang mentadbir Malaysia selama lebih enam dekad (Shahidah et al 2019). Perubahan legasi pentadbiran tersebut mengakibatkan dasar dan polisi yang diperkenalkan semasa era pentadbiran BN telah direformasi oleh pentadbiran yang baharu. Dalam isu tersebut, kerajaan PH pimpinan Dr. Mahathir Mohamad telah mempertimbangkan semula polisi-polisi yang dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional selepas mengambil alih pentadbiran. Semasa pentadbiran kedua Tun. Dr Mahathir Mohamad, kerajaan PH melaksanakan beberapa tindakan yang mempengaruhi hubungan bilateral antara Malaysia dan Singapura. Antaranya ialah menangguhkan pelaksanaan projek pembinaan High Speed Rail (HSR) Malaysia-Singapura. Penangguhan tersebut telah mengakibatkan projek kerjasama yang dilaksanakan di bawah pentadbiran Najib Abdul Razak bersama kerajaan Singapura tidak berjaya untuk disempurnakan. Akibat daripada penangguhan tersebut, kerajaan Malaysia terpaksa membayar wang pampasan bernilai RM100 billion kepada kerajaan Singapura bagi menanggung kerugian (Saravanamuttu 2021). Implikasinya,

tindakan tersebut memberikan kesan negatif terhadap kerjasama ekonomi antara dua buah negara. Selain itu, kerajaan PH juga telah bertindak untuk menarik semula permohonan semakan semula keputusan ICJ pada tahun 2018 (Azlie & Geetha 2019). Tindakan tersebut merupakan sebuah langkah kontroversial yang mencetuskan pelbagai reaksi dalam kalangan ahli politik Malaysia kerana telah menamatkan segala usaha untuk mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh. Dalam melaksanakan penarikan semula keputusan tersebut, kerajaan PH telah bertindak untuk menamatkan perkhidmatan Peguam Negara. Namun begitu, penamatkan tersebut dilaksanakan secara berperingkat. Sebelum penamatkan kontrak Peguam Negara dilakukan, Ketua Setiausaha Negara iaitu Tan Sri Dr. Ismail Haji Bakar mengeluarkan arahan rasmi kepada Mohamad Apandi Ali untuk mengambil cuti tanpa rekod bermula 15 Mei 2018. Dalam mengulas alasan Peguam Negara diberikan cuti kepada pihak media tempatan, Dr. Mahathir Mohamad menegaskan tindakan tersebut dilakukan berikutan terdapat sebuah laporan yang mendedahkan Peguam Negara terlibat dalam salah laku jenayah (Berita Harian, 15 Mei 2018).

Akibat laporan tersebut, kerajaan PH mengambil keputusan untuk mengarahkan Peguam Negara untuk mengambil cuti. Tindakan tersebut mengakibatkan Peguam Negara tidak dapat untuk memainkan peranannya sebagai penasihat kepada kabinet kerajaan Persekutuan selaras dengan Perlumbagaan Persekutuan. Hal ini kerana, peranan Peguam Negara adalah penting dalam memastikan pentadbiran sesebuah kabinet kerajaan Persekutuan berjalan dengan lancar. Dalam isu tersebut, Peguam Negara memainkan peranan yang penting untuk memberikan pandangan dan nasihat dari perspektif perundangan kepada kabinet kerajaan selaras dengan Artikel 145 (2). Peruntukan tersebut menggariskan Peguam Negara bertanggungjawab untuk memberikan nasihat kepada Yang Dipertuan Agong, Jemaah Menteri atau mana-mana Menteri berhubung perkara-perkara yang melibatkan soal perundangan dan melaksanakan apa-apa tugas bersifat undang-undang yang ditugaskan kepadanya (Parlimen Malaysia, Undang-Undang Persekutuan). Walau bagaimanapun, kerajaan PH telah melantik Peguam Cara Negara iaitu Datuk Engku Nor Faizah Engku Atek untuk menjalankan tugas-tugas Peguam Negara untuk sementara waktu (Berita Harian, 15 Mei 2018). Semasa ketidaaan Peguam Negara, kerajaan PH mengambil peluang untuk menilai semula prosedur-prosedur perundangan yang dilaksanakan oleh pentadbiran sebelumnya. Antara salah satu isu yang diberikan tumpuan ialah menilai semula permohonan semakan dan tafsiran semula keputusan ICJ yang difailkan oleh kerajaan BN pada tahun 2017. Bagi memahami justifikasi permohonan yang dilaksanakan, Perdana Menteri Malaysia telah mengadakan sebuah pertemuan bersama Peguam Cara Negara, Peguam Cara Negara II dan Ketua Setiausaha Negara pada 14 Mei 2018. Lanjutan daripada pertemuan tersebut, Dr. Mahathir Mohamad mengarahkan supaya sebuah sesi taklimat rasmi diadakan bagi membincangkan mengenai permohonan yang dikemukakan tersebut. Oleh itu, pasukan perundangan Malaysia yang dibentuk dan dilantik oleh Peguam Negara pada tahun 2017 telah memberikan taklimat kepada Perdana Menteri serta beberapa wakil pegawai kerajaan dari pelbagai agensi termasuklah Jabatan Peguam Negara dan Wisma Putra. Dalam sesi yang berlangsung pada 17 Mei 2018, salah seorang panel perundangan antarabangsa iaitu Dr. Brendan Plant telah memberikan taklimat berhubung permohonan yang dikemukakan pada tahun 2017. Selepas mendengar sesi taklimat tersebut, Perdana Menteri Malaysia tidak memberikan sebarang kata putus berhubung tindakan kerajaan Persekutuan dalam isu permohonan tersebut. Sebaliknya, pandangan beliau terhadap kedua buah permohonan tersebut telah dikemukakan kepada Peguam Cara Negara menerusi surat rasmi bertarikh 21 Mei 2018. Dalam surat rasmi berkenaan, Perdana Menteri Malaysia berpandangan

permohonan semakan dan tafsiran semula keputusan penghakiman ICJ yang dikemukakan oleh kerajaan BN tidak harus diteruskan lagi (Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja, 2022). Sebaliknya, Dr. Mahathir Mohamad telah mengarahkan supaya kerajaan Malaysia untuk melaksanakan rancangan menebus guna laut di perairan Batuan Tengah yang dimiliki oleh negara. Perbincangan mengenai isu untuk tidak meneruskan permohonan tersebut kemudiannya dibangkitkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Mei 2018.

Menerusi mesyuarat tersebut, Jemaah Menteri yang terdiri daripada 13 orang menteri kanan telah sebulat suara bersetuju dengan keputusan untuk tidak meneruskan lagi permohonan tersebut (Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja, 2024). Namun begitu, terdapat pelanggaran prosedur yang telah dilakukan oleh kerajaan PH dalam memutuskan keputusan tersebut. Berdasarkan kepada hasil laporan yang disediakan oleh Suruhanjaya Siasatan Diraja, keputusan untuk tidak meneruskan lagi permohonan semakan semula keputusan ICJ tersebut telah dimuktamadkan oleh Perdana Menteri Malaysia sebelum mendapatkan persetujuan dan sokongan daripada Jemaah Menteri dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Mei 2018. Hal ini kerana, Peguam Cara Negara telah bertindak untuk memaklumkan kepada kerajaan Singapura mengenai hasrat kerajaan Malaysia untuk tidak meneruskan permohonan semakan semula menerusi surat rasmi yang dikemukakan kepada Peguam Negara Singapura iaitu Lucien Wong sebelum mesyuarat Jemaah Menteri berlangsung (Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja, 2024). Pada tarikh yang sama, Peguam Negara Singapura menyatakan persetujuan kerajaan Singapura terhadap hasrat kerajaan Malaysia yang tidak ingin meneruskan kedua permohonan tersebut (Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja, 2024). Respon daripada republik Singapura tersebut membuktikan bahawa kerajaan Singapura mengetahui mengenai hasrat kerajaan PH untuk tidak meneruskan permohonan perundangan tersebut.

Selepas keputusan penarikan tersebut dicapai, Ketua Bahagian Ehwal Antarabangsa Kementerian Luar Negeri iaitu Datuk Azian Mohd Aziz telah memaklumkan kepada Penasihat Undang-Undang Negeri Johor iaitu Dato' Ishak Sahari. Pemberitahuan tersebut dilakukan bagi menyembah maklum kepada Sultan Johor mengenai keputusan yang dicapai oleh kerajaan Persekutuan berhubung isu kedaulatan Batu Puteh (Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja, 2024). Selepas pemakluman tersebut diberikan, kerajaan Persekutuan melaksanakan tindakan rasmi bagi menarik semula prosiding tersebut. Pada 28 Mei 2018, Dato' Ahmad Nazri bin Yusof, Duta Malaysia ke The Hague, Belanda yang dilantik sebagai Ejen Bersama (Co-Agent) telah memaklumkan persetujuan Malaysia dan Singapura kepada Pendaftar ICJ untuk tidak meneruskan prosiding bagi kedua-dua permohonan tersebut. Permakluman tersebut diterima oleh pihak mahkamah menerusi Pejabat Pendaftar ICJ apabila permohonan semakan dan tafsiran semula keputusan ICJ yang difailkan oleh kerajaan Malaysia telah dikeluarkan dari senarai kes perbicaraan ICJ (International Court of Justice, Orders of 29 May 2018). Menjelang 1 Julai 2018, permohonan semakan dan tafsiran yang dikemukakan oleh Malaysia telah dikeluarkan secara rasmi dari senarai perbicaraan kes ICJ (International Court of Justice, Press Release: No. 2018/21).

Tindakan kontroversial yang dilaksanakan oleh kerajaan PH menimbulkan pelbagai polemik dalam kalangan ahli politik Malaysia khususnya para pemimpin Johor. Hal ini kerana, kerajaan Persekutuan tidak memberikan sebarang penjelasan yang kukuh dalam menerangkan alasan di sebalik tindakan penarikan semula permohonan kedua-dua permohonan tersebut. Penjelasan yang samar tersebut menimbulkan pelbagai pertanyaan dalam kalangan ahli politik Malaysia. Di samping itu, kerajaan Persekutuan juga tidak mengadakan sebarang perbincangan bersama Peguam Negara iaitu Mohamad Apandi Ali sebelum penarikan tersebut dilaksanakan (Berita Harian, 3 April 2024). Implikasinya, usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan BN yang

mengemukakan permohonan semakan semula bagi memperolehi semula kedaulatan Batu Puteh telah tergendala. Di samping itu, ahli-ahli politik Malaysia juga turut mengecam tindakan kerajaan PH yang melakukan penarikan permohonan di saat-saat akhir. Hal ini kerana, permohonan yang dikemukakan tersebut telah diterima oleh pihak mahkamah dan sedang berada dalam proses persediaan untuk perbicaraan lisan yang dijadualkan bermula pada 11 Jun sehingga 18 Jun 2018 (International Court of Justice, Press Release No. 2018/18). Tindakan menarik permohonan tersebut sebelum perbicaraan lisan yang dijadualkan berlangsung lebih kurang dua minggu juga menimbulkan kekecewaan dalam kalangan ahli politik Malaysia.

## KRITIKAN TERHADAP KERAJAAN PAKATAN HARAPAN

Tindakan kerajaan Persekutuan di bawah pentadbiran Pakatan Harapan yang menarik permohonan semakan semula keputusan penghakiman ICJ telah mencetuskan pelbagai kritikan dalam kalangan ahli politik Malaysia. Hal ini kerana, penarikan semula tersebut dilaksanakan secara sebelah pihak tanpa melibatkan perbincangan bersama Peguam Negara atau wakil kerajaan negeri Johor. Keputusan penarikan tersebut juga tidak dibentangkan dan dibahaskan dalam Parlimen Malaysia. Oleh itu, ahli politik Malaysia telah mengkritik tindakan kerajaan Persekutuan kerana telah mengorbankan kedaulatan Batu Puteh untuk selama-lamanya. Dari perspektif ahli politik Malaysia, mekanisme permohonan semakan semula keputusan ICJ merupakan sebuah langkah yang berpotensi untuk mengembalikan kedaulatan Batu Puteh kepada negara. Kesan daripada penarikan tersebut telah menyebabkan kerajaan Malaysia tidak lagi boleh mengemukakan dan meneruskan permohonan semakan semula keputusan ICJ. Hal ini kerana, permohonan semakan semula keputusan tersebut hanya boleh dilaksanakan dalam tempoh 10 tahun bermula dari 23 Mei 2008 dan berakhir pada 23 Mei 2018. Oleh itu, kedaulatan Singapura ke atas Batu Puteh tidak boleh dicabar oleh kerajaan Malaysia menerusi mekanisme permohonan semakan semula yang telah berakhir pada tahun 2018 (S. Jayakumar, Tommy Koh & Lionel Yee 2018).

Pada peringkat negeri Johor, Sultan Johor iaitu Sultan Ibrahim telah mengkritik dan membangkitkan persoalan terhadap motif sebenar kerajaan Persekutuan melakukan penarikan tersebut menerusi media akhbar dan DUN Johor. Dalam ucapan perasmian pembukaan DUN Johor Ke-15, Sultan Johor menzahirkan rasa kekesalan apabila kerajaan Persekutuan memutuskan untuk melakukan penarikan semula tersebut tanpa mengadakan sebarang perbincangan dan pembentangan dalam Parlimen Malaysia (Penyata Rasmi DUN Johor, 16 Jun 2022). Hal ini kerana, isu kedaulatan Batu Puteh merupakan sebuah isu nasional yang wajar dibentangkan dan diketahui oleh setiap rakyat Malaysia termasuklah rakyat Johor. Sebelum keputusan penarikan tersebut dilaksanakan, kerajaan Persekutuan juga tidak memanggil manapun wakil kerajaan Johor bagi mendapatkan pandangan negeri tersebut. Tindakan tersebut seolah-olah mengabaikan pandangan dan kepentingan kerajaan Johor sebagai “pemilik asal” Batu Puteh. Pendirian yang disuarakan oleh Sultan Johor turut disokong oleh ADUN Sungai Balang iaitu Selamat Takim yang berpandangan *“ini merupakan satu yang tidak sepatutnya dilakukan oleh kerajaan dan mencerminkan sebuah jentera yang tidak kompeten dalam memacu negara”* (Penyata Rasmi DUN Johor Ke-15, 20 Jun 2022). Kenyataan tersebut menggambarkan rasa tidak puas hati pemimpin Johor terhadap keputusan kerajaan Persekutuan yang tidak berunding terlebih dahulu bersama negeri Johor sebelum melaksanakan penarikan terhadap permohonan yang dikemukakan.

Selain itu, Menteri Besar Johor iaitu Onn Hafiz Ghazi juga turut menzahirkan respon terhadap tindakan yang dilakukan oleh kerajaan Persekutuan. Beliau menegaskan bahawa

beliau ingin mengetahui individu yang bertanggungjawab menasihati kerajaan Persekutuan sehingga bertindak menarik semula permohonan semakan semula keputusan penghakiman ICJ pada tahun 2018. Hal ini kerana, pandangan dan nasihat yang diberikan oleh individu tersebut telah mempengaruhi kerajaan Persekutuan untuk bertindak menarik semula permohonan semakan semula serta memberikan implikasi terhadap kedaulatan negeri Johor. Penarikan tersebut juga telah menamatkan segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan BN pimpinan Najib Abdul Razak yang mempelopori usaha untuk mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh kepada negara. Dalam isu membabitkan kedaulatan negara, kerajaan Persekutuan seharusnya berusaha sedaya upaya untuk mempertahankan kedaulatan setiap wilayahnya tanpa mengira saiz keluasan wilayahnya. Walaupun Batu Puteh merupakan sebuah batuan maritim yang kecil dan tidak memiliki sumber ekonomi untuk digunakan, Menteri Besar Johor menegaskan kerajaan Persekutuan masih bertanggungjawab untuk mempertahankannya (Penyata Rasmi DUN Johor Ke-15. 26 Jun 2022).

Di peringkat Parlimen Malaysia pula, kritikan yang sama turut disuarakan oleh ahli-ahli Parlimen kepada kerajaan PH yang menarik permohonan semakan semula keputusan ICJ. Tindakan tersebut bukan sahaja memberikan implikasi terhadap usaha Malaysia menebus semula kedaulatan dan maruah negara ke atas Batu Puteh. Malahan, penarikan tersebut juga turut memberikan kesan terhadap kepentingan ekonomi negara. Ketika memberikan pandangan terhadap isu tersebut, Ahli Parlimen Sik iaitu Ahmad Tarmizi Sulaiman menegaskan penarikan tersebut akan mengurangkan hak Malaysia untuk menjalankan aktiviti ekonomi di perairan khususnya di sekitar Batu Puteh (Parlimen Malaysia, DR/02/11/2021). Pihak-pihak berkepentingan yang menjalankan ekonomi di kawasan perairan Batu Puteh seperti golongan nelayan akan terkesan dari aspek keselamatan sekiranya Batu Puteh tidak berjaya dikembalikan kepada negara. Oleh itu, golongan nelayan khususnya dari negeri Johor terpaksa menjalankan aktiviti penangkapan ikan di kawasan yang lebih jauh dari perairan Batu Puteh. Selain itu, operasi pencarian dan pengalian sumber minyak yang dilaksanakan oleh syarikat petroleum negara iaitu PETRONAS akan menjadi semakin terhad di sekitar perairan Batu Puteh (Parlimen Malaysia, DR/02/11/2021). Tindakan penarikan permohonan semakan semula tersebut memberikan implikasi terhadap hak negara untuk menjelajah dan mengeksplorasi sumber-sumber maritim di perairan berhampiran Batu Puteh.

Akibat tidak memberikan kenyataan yang jelas berhubung keputusan penarikan permohonan tersebut, kerajaan Pakatan Harapan juga telah didesak supaya memberikan penjelasan terhadap justifikasi penarikan permohonan semakan semula tersebut pada tahun 2018. Pada 7 Julai 2018, Ahli Parlimen Dungun iaitu Wan Hassan Mohd Ramli menegaskan kerajaan Persekutuan perlu memberikan penjelasan yang jelas di sebalik tindakan menarik permohonan. Hal ini kerana, isu kedaulatan Batu Puteh merupakan sebuah isu kedaulatan nasional yang wajar diketahui oleh setiap rakyat Malaysia (Parlimen Malaysia, DR/30/07/2018). Tindakan kerajaan Persekutuan yang tidak ingin memberikan sebarang kenyataan rasmi berhubung penarikan tersebut seolah-olah seperti ingin menyembunyikan sesuatu daripada pengetahuan rakyat. Ahli Parlimen Pasir Gudang iaitu Hassan Abdul Karim juga mendesak Menteri Luar Negeri iaitu Saifuddin Nasution untuk menjelaskan alasan utama kerajaan Persekutuan menarik semula dua permohonan yang difailkan oleh kerajaan BN pada tahun 2017 (Parlimen Malaysia, DR/26/11/2018). Pendirian yang sama turut disuarakan oleh Mantan Perdana Menteri Malaysia iaitu Najib Abdul Razak yang bertanggungjawab mengarahkan Jabatan Peguam Negara untuk memulakan usaha perundangan bagi mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh. Dalam isu tersebut, beliau berpandangan

bahawa isu kedaulatan negara bukanlah sebuah isu yang boleh dikompromi oleh kerajaan Persekutuan. Oleh itu, kerajaan Persekutuan diggesa untuk memberikan penjelasan mengenai alasan sebenar tindakan tersebut dilaksanakan (Parlimen Malaysia, DR/01/11/2021).

Akibat daripada tekanan dan desakan dalam kalangan ahli-ahli politik, Menteri Luar Negeri iaitu Saifuddin Nasution menjelaskan keputusan untuk menarik semula permohonan dilaksanakan akibat ketiadaan sebarang bukti-bukti baharu yang memberikan peluang kepada kerajaan Malaysia untuk memenangi semula Batu Puteh (Parlimen Malaysia, DR/26/11/2019, 26 November 2019). Bagaimanapun, kenyataan tersebut adalah tidak selari dengan penemuan yang diumumkan oleh Jabatan Peguam Negara pada tahun 2017 yang menegaskan bahawa pasukan penyelidikan Malaysia telah berjaya menemukan tiga bukti baharu. Akibat daripada kenyataan tersebut, ahli-ahli politik Malaysia yang mengikuti perkembangan permohonan semakan semula keputusan ICJ sejak dari era pentadbiran Barisan Nasional tidak menerima penjelasan yang diutarakan oleh Menteri Luar Malaysia tersebut. Ahli Parlimen Ketereh iaitu Annuar Musa menjelaskan bahawa kerajaan BN pimpinan Najib Abdul Razak telah berjaya menemukan tiga bukti baharu yang boleh dijadikan sebagai “faktor penentu”. Bukti-bukti baharu tersebut juga dilihat berpotensi menggubah semula keputusan penghakiman ICJ berhubung kedaulatan Batu Puteh. Namun begitu, Menteri Luar Malaysia menjelaskan bahawa kerajaan Persekutuan telah meneliti dokumen-dokumen tersebut dan mendapati fakta-fakta baharu berkenaan belum mencukupi untuk memperkuatkan peluang negara bagi memperolehi semula Batu Puteh (Parlimen Malaysia, DR/18/07/2019). Oleh itu, kerajaan Persekutuan mengambil keputusan untuk menarik semula kedua-dua permohonan yang difaiklan.

Kerajaan Persekutuan juga telah berusaha untuk memberikan penjelasan sebenar kepada ahli-ahli politik Malaysia di Dewan Negara. Penjelasan tersebut adalah penting bagi mengimbangi tekanan politik yang dihadapi oleh kerajaan Persekutuan akibat daripada desakan yang disuarakan oleh pelbagai pihak. Dalam sebuah sidang Dewan Negara, Timbalan Menteri Undang-Undang iaitu Hanipa Maidin menjelaskan keputusan penarikan semula permohonan tersebut bukanlah sebuah tindakan yang dilakukan secara terburu-buru tanpa mempertimbangkan kedaulatan negara. Sebaliknya, ianya dilaksanakan oleh kerajaan Persekutuan selepas mendapatkan pandangan dan nasihat daripada pasukan perundangan Malaysia. Oleh itu, tindakan tersebut tidak boleh ditafsirkan sebagai tindakan sebelah pihak kerana keputusan penarikan tersebut dilakukan selepas mengadakan perbincangan bersama pasukan perundangan Malaysia serta beberapa kementerian seperti Jabatan Peguam Negara dan Kementerian Luar Negeri (Parlimen Malaysia, DN/03/09/2018).

Walau bagaimanapun, kenyataan rasmi yang dikeluarkan oleh Jabatan Peguam Negara pada tahun 2018 pula menjelaskan alasan yang berbeza jika dibandingkan dengan kenyataan-kenyataan yang disuarakan oleh menteri kabinet kerajaan Pakatan Harapan di Parlimen Malaysia. Berdasarkan kepada kenyataan bertulis pada 13 Julai 2018, Jabatan Peguam Negara menjelaskan tindakan penarikan permohonan tersebut dilakukan atas komitmen kerajaan Persekutuan untuk mengutamakan penyelesaian isu-isu domestik dalam negara. Penarikan tersebut juga dilaksanakan selepas mempertimbangkan jumlah kos pendakwaan yang dianggarkan menelan perbelanjaan yang tinggi (Attorney General's Chamber Malaysia, Press Release 13 Julai 2018). Dalam kenyataan yang sama, Jabatan Peguam Negara juga turut memperbetulkan dakwaan yang dilontarkan oleh ahli politik Johor berhubung tindakan kerajaan Persekutuan mengabaikan penglibatan kerajaan Johor dalam isu tersebut. Beliau menegaskan keputusan kerajaan Persekutuan menarik semula kedua-dua permohonan tersebut

telah disembah maklum kepada Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar (Attorney General's Chamber Malaysia, Press Release 13 Julai 2018). Namun begitu, kenyataan tersebut hanya membuktikan bahawa kerajaan negeri Johor hanya dirunding selepas keputusan penarikan permohonan telah dimuktamadkan oleh kerajaan Persekutuan pada tahun 2018. Kenyataan tersebut tidak berjaya untuk membuktikan bahawa kerajaan negeri Johor terlibat secara langsung dalam proses pembuatan dasar sebelum keputusan penghakiman dilaksanakan secara rasmi tersebut.

Menjelang tahun 2020 pula, naratif baru berhubung alasan utama kerajaan Persekutuan tidak memberikan sebarang penjelasan berhubung tindakan penarikan semula permohonan telah disuarakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Wan Junaidi Tuanku Jaafar. Dalam sebuah persidangan Dewan Rakyat, Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjelaskan kabinet kerajaan Pakatan Harapan tidak boleh untuk menjawab sebarang persoalan yang dibangkitkan oleh ahli Parlimen Malaysia atas faktor pematuhan terhadap undang-undang mahkamah. Hal ini kerana, isu kedaulatan Batu Puteh telah menjadi semakin kompleks apabila Mohd Hatta Sanuri telah menfaillkan sebuah writ saman ke atas Perdana Menteri Malaysia dan Kerajaan Malaysia bagi menuntut penjelasan sebenar berhubung penarikan kedua-dua permohonan di ICJ tersebut (Parlimen Malaysia, KKDR17/11/2021). Memandangkan isu berhubung penarikan tersebut telah dirujuk ke peringkat Mahkamah Tinggi, kerajaan Persekutuan atau mana-mana ahli kabinet kerajaan tidak dibenarkan untuk tampil memberikan jawapan atau penjelasan berhubung tindakan penarikan permohonan tersebut dalam Parlimen Malaysia. Perkara tersebut adalah selaras dengan Peraturan 23(1)(f) dan (g) Peraturan-peraturan Mesyuarat Majlis Dewan Rakyat, ahli Dewan Rakyat tidak boleh mengajukan sebarang pertanyaan berkenaan dengan perkara yang sedang dibicarakan di mahkamah (Parlimen Malaysia, Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat). Di samping itu, dokumen-dokumen berhubung tindakan penarikan semula permohonan semakan dan tafsiran semula semasa pentadbiran kerajaan PH telah dideklasifikasikan sebagai dokumen-dokumen berstatus "Rahsia Besar" di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 (Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia, Akta 88, Akta Rahsia Rasmi 1972). Oleh itu, sebarang soalan yang dikemukakan oleh ahli Parlimen Malaysia terhadap kerajaan Persekutuan berhubung isu penarikan semula semakan keputusan penghakiman tidak boleh dijawab oleh kerajaan Pakatan Harapan.

## KESIMPULAN

Secara rangkumannya, artikel ini telah membincangkan mengenai usaha perundangan yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia dalam menuntut semula kedaulatan Batu Puteh menerusi mekanisme permohonan semakan semula. Menerusi artikel ini, kerajaan Barisan Nasional pimpinan Najib Abdul Razak telah memulakan usaha untuk menfaillkan permohonan semakan semula menerusi peranan yang dimainkan oleh Jabatan Peguam Negara. Permohonan yang difaillkan oleh kerajaan BN pada tahun 2017 disokong oleh penemuan tiga dokumen baru yang berpotensi memberikan tafsiran berbeza terhadap keputusan ICJ 2008. Walau bagaimanapun, permohonan yang dikemukakan oleh kerajaan Malaysia berhadapan dengan cabaran apabila usaha perundangan tersebut dipertikaikan oleh segelintir ahli politik. Namun begitu, cabaran berkenaan bersifat jangka masa pendek dan tidak memberikan sebarang implikasi terhadap usaha Malaysia mengembalikan semula kedaulatan Batu Puteh. Bagaimanapun, perubahan landskap politik negara selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 telah menyaksikan segala usaha perundangan yang dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional

sejak dari tahun 2014 tersebut tergendala akibat daripada pentadbiran kerajaan Pakatan Harapan pimpinan Tun Dr. Mahathir. Pada tahun 2018, kerajaan PH telah bertindak untuk menarik semula kedua-dua permohonan tersebut. Tindakan kontroversial tersebut mencetuskan pelbagai kritikan dalam kalangan ahli-ahli Parlimen Malaysia dan kerajaan negeri Johor. Hal ini kerana, tindakan tersebut telah menamatkan segala usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional untuk menebus semula kedaulatan Batu Puteh. Di samping itu, penarikan permohonan tafsiran semula keputusan ICJ juga telah menyebabkan kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura tidak dapat untuk menyelesaikan isu-isu teknikal yang dihadapi untuk mengimplementasikan keputusan ICJ pada tahun 2008.

Walau bagaimanapun, kerajaan PH memberikan pelbagai justifikasi terhadap tindakan penarikan kedua-dua permohonan tersebut termasuklah faktor pertimbangan terhadap kekuatan bukti yang tidak mencukupi untuk memberikan kemenangan kepada negara dan kos pendakwaan yang tinggi. Selain itu, kerajaan Pakatan Harapan juga menegaskan penarikan tersebut dilaksanakan selepas melaksanakan perundingan bersama panel perundangan negara. Meskipun begitu, tindakan kerajaan Pakatan Harapan yang menarik permohonan tersebut tanpa melaksanakan rundingan menyeluruh bersama kerajaan negeri Johor telah mencetuskan kemarahan di peringkat negeri Johor. Akibatnya, ketelusan proses pembuatan dasar dan keputusan kerajaan Pakatan Harapan telah menjadi sebuah isu yang sering kali dibangkitkan dan menjadi polemik antara ahli politik Malaysia. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa usaha menuntut semula Batu Puteh bukan sekadar pertikaian perundangan antarabangsa, tetapi turut menyentuh sensitiviti politik domestik serta hubungan antara kerajaan persekutuan dan negeri Johor. Tindakan kerajaan Persekutuan yang tidak konsisten dalam menebus kedaulatan Batu Puteh telah memberi kesan terhadap kredibiliti negara dalam mempertahankan kedaulatan wilayahnya.

## RUJUKAN

- Abdul Ghafur Hamid. 2011. "Pedra Branca Judgment and Beyond: Issue and Challenges in Its Implementation by Malaysia and Singapore." *The International Journal of Maritime and Coastal Law* 26: 335–342.
- Abdul Ghafur Hamid. 2019. "International Law in Asian and Pacific States: Malaysia." In *The Oxford Handbook of International Law in Asia and the Pacific*, edited by Simon Chesterman, Hisashi Owada, and Ben Saul, 458–476. United Kingdom: Oxford University Press.
- Azlie Ismail and Geetha Govindasamy. 2019. "Malaysia's Legal Claims and Approaches in the Cases of Ligitan, Sipadan and Pedra Branca ('Tuntutan Undang-Undang dan Pendekatan Malaysia di dalam Kes Pulau Ligitan, Pulau Sipadan dan Pedra Branca')." *Akademika* 89(1): 83–95.
- Berita Harian*. 2017. "Batu Puteh Bukan dalam Singapura - Dokumen." 4 Februari 2017.
- Berita Harian*. 2017. "Kembalikan Batu Puteh Demi Keadilan." 21 Februari 2017.
- Berita Harian*. 2017. "Kenyataan PM Lee: Pemuda UMNO Serah Memo Protes ke Suruhanjaya Tinggi S'pura di KL." 22 November 2017.
- Berita Harian*. 2017. "Sultan Johor Sokong Semakan Semula Kes Batu Puteh." 24 November 2017.
- Berita Harian*. 2018. "Apandi Diarah Bercuti Serta-Merta." 15 Mei 2018.

- Berita Harian.* 2024. "Apandi Sahkan Tidak Dirujuk Batal Rayuan Isu Batu Puteh." 3 April 2024.
- DEFE 69/538. Ministry of Defence. (Navy). 1964–1966. Registered Files and Branch Folders. Naval Operations in the Malacca and Singapore Straits. Part 1 Secret. National Archives, London.
- FCO 141/14808. Colony of Singapore, Maritime Circular No. 1. Telegram from the Secretary of State for the Colonies to the Governor of Singapore regarding Territorial Waters. 18 Januari 1958. National Archives, London.
- FCO 141/1480. Memorandum Reporting Labuan Haji Incident, 25 Februari 1958 and Accompanying File Note. National Archives, London.
- George, Mary. 2017. "Current International Legal Issues: Malaysia." In *Asian Yearbook of International Law*, Volume 23, edited by Seokwoo Lee and Hee Eun Lee, 283-297. Netherlands: Brill.
- Hazmi Rusli, Rahmat Mohamad, and Lowell B. Bautista. 2014. "Should Malaysia Reopen Batu Puteh?" *Journal of International Relations and Foreign Policy* 2 (3 & 4): 43–49. December 2014.
- International Court of Justice. 2008. Report of Judgements, Advisory Opinions & Orders, Case Concerning Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge (Malaysia/Singapore), Judgement of 23 May 2008,
- International Court of Justice. 2008. *Statute of the International Court of Justice*, Chapter 3: Procedure, Article 61.
- International Court of Justice. 2017. *Letter from the Minister for Foreign Affairs of Malaysia to the Registrar of the International Court of Justice*, 31 January 2017.
- International Court of Justice. 2017. *Letter from the Co-Agent of the Government of Malaysia to the Registrar of the International Court of Justice*, 2 February 2017.
- International Court of Justice. 2017. *Request for Interpretation of the Judgment of 23 May 2008 in the Case Concerning Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge (Malaysia/Singapore) (Malaysia v. Singapore)*, 30 June 2017.
- International Court of Justice. 2018. *Press Release: No. 2018/18, Application for Revision of the Judgment of 23 May 2008 in the Case Concerning Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks and South Ledge (Malaysia/Singapore) (Malaysia v. Singapore), The Court to Hold Public Hearings from Monday 11 to Monday 18 June 2018*, 5 April 2018.
- International Court of Justice. 2018. *Orders of 29 May 2018, Application for Revision of the Judgment of 23 May 2008 in the Case Concerning Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks & South Ledge (Malaysia/Singapore)*.
- International Court of Justice. 2018. *Press Release: No. 2018/21, Application for Revision of the Judgment of 23 May 2008 in the Case Concerning Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks & South Ledge (Malaysia/Singapore), Case Removed from the Court's List*.
- International Court of Justice. 2018. *Written Observation of the Republic of Singapore, Application for Revision of the Judgment of 23 May 2008 in the Case Concerning Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks & South Ledge (Malaysia/Singapore)*.
- International Court of Justice. 2018. *Application for Revision of the Judgment of 23 May 2008 in the Case Concerning Sovereignty over Pedra Branca/Pulau Batu Puteh, Middle Rocks & South Ledge (Malaysia/Singapore)*.
- Kadir Mohamad. 2015. *Malaysia-Singapore : Fifty Years of Contentions 1965-2015*. Kuala Lumpur : The Other Press.

- Malaysia-Singapore Joint Technical Committee (MSJTC). *Terms of Reference of the Malaysia and the Republic of Singapore Joint Technical Committee.*
- Malaysia-Singapore Joint Technical Committee (MSJTC). *Memorandum of Understanding Between the Government of Malaysia and the Republic of Singapore With Regards to the Joint Hydrographics Survey In and Around Pedra Branca and Middle Rocks.*
- Ministry of Foreign Affairs Malaysia. EC 52/2008. *Note Verbale from the Ministry of Foreign Affairs of the Government of Malaysia to the High Commission of the Republic of Singapore*, 29 October 2008.
- Ministry of Foreign Affairs Singapore. MFA/SEA/00025/2008. *Note Verbale from the Ministry of Foreign Affairs of the Republic of Singapore to the High Commission of Malaysia*, 23 August 2008.
- Ministry of Foreign Affairs Singapore. MFA/SEA/00003/2010. *Note Verbale from the Ministry of Foreign Affairs of the Republic of Singapore to the High Commission of Malaysia*, 30 March 2010.
- Ministry of Foreign Affairs Singapore. MFA Press Statement. "Filing of Singapore's Written Observations on the Admissibility of Malaysia's Application to Revise the International Court of Justice's Judgment on Sovereignty over Pedra Branca, Middle Rocks and South Ledge," 25 May 2017.
- Ministry of Foreign Affairs Singapore. MFA Press Statement. "Malaysia's Application for Interpretation of the International Court of Justice's Judgment on Sovereignty over Pedra Branca, Middle Rocks and South Ledge," 1 July 2017.
- Mohd Hafizal Aiman and Mohd Shazwan Mokhtar. 2022. "A Historical Review on Dispute of Pedra Branca between Malaysia and Singapore." ('Resensi Sejarah terhadap Tuntutan Pulau Batu Puteh antara Malaysia dan Singapura.)" Kertas kerja dibentangkan dalam *Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda Sains Sosial dan Kemanusiaan*, Bangi: Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Parlimen Malaysia. *Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja Bagi Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan.*
- Parlimen Malaysia. "Pertanyaan Lisan, Pemberitahuan Pertanyaan Dewan Rakyat, Soalan No. 27, Soalan Ahli Parlimen Kuala Selangor kepada Perdana Menteri." 29 Mac 2017.
- Parlimen Malaysia. DR/26/03/2014, *Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga Belas, Penggal Kedua, Mesyuarat Pertama*, Bil. 11. 26 Mac 2014.
- Parlimen Malaysia. DR/23/03/2017, *Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Pertama*, Bil. 12. 23 Mac 2017.
- Parlimen Malaysia. DR/08/03/2017, *Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Pertama*, Bil. 3. 8 Mac 2017.
- Parlimen Malaysia. DR/13/03/2017, *Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga Belas, Penggal Kelima, Mesyuarat Pertama*, Bil. 5. 13 Mac 2017.
- Parlimen Malaysia. DR/30/07/2018, *Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Pertama, Mesyuarat Pertama*, Bil. 24. 30 Julai 2018.
- Parlimen Malaysia. DR/26/11/2018, *Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Pertama, Mesyuarat Kedua*, Bil. 41. 26 November 2018.
- Parlimen Malaysia. DR/18/07/2019, *Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Kedua, Mesyuarat Kedua*, Bil. 32. 18 Julai 2019.
- Parlimen Malaysia. DN/03/09/2018, *Penyata Rasmi Dewan Negara*, Bil. 7, *Parlimen Keempat Belas, Penggal Pertama, Mesyuarat Pertama*. 3 September 2018.
- Parlimen Malaysia. KKDR17/11/2021, *Penyata Rasmi Dewan Rakyat (Kamar Khas), Parlimen Keempat Belas, Penggal Keempat, Mesyuarat Kedua*. 17 Disember 2021.

- Parlimen Malaysia. DR/02/11/2021, *Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Keempat, Mesyuarat Kedua, Bil. 24.* 2 November 2021.
- Parlimen Malaysia. DR/01/11/2021, *Penyata Rasmi Dewan Rakyat, Parlimen Keempat Belas, Penggal Keempat, Mesyuarat Kedua, Bil. 23.* 1 November 2021.
- Parlimen Malaysia. *Undang-Undang Malaysia: Perlembagaan Persekutuan, Artikel 145: Peguam Negara.*
- Parlimen Malaysia. *Peraturan-Peraturan Mesyuarat Dewan Rakyat, Cetakan Keempat Belas, Jun 2018.*
- Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor. *Penyata Rasmi Dewan Negeri Johor Ke-12, 19 Jun 2008, Mesyuarat Kedua (Pembukaan Rasmi) Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Ke-12, Bil. 2, Tahun 1.*
- Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor. *Penyata Rasmi DUN Johor Ke-15, 16 Jun 2022, Mesyuarat Kedua (Pembukaan Rasmi) Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Ke-15, Bil. 2, Tahun 15.*
- Pejabat Jurutulis Dewan Negeri Johor. *Penyata Rasmi DUN Johor Ke-15, 20 Jun 2022, Mesyuarat Kedua (Pembukaan Rasmi) Bagi Penggal Persidangan Pertama Dewan Negeri Johor Ke-15, Bil. 2, Tahun 15.*
- Pesuruhjaya Penyemak Undang-Undang Malaysia. *Akta 88, Akta Rahsia Rasmi 1972.*
- Prime Minister's Office Singapore. *Joint Statement by Prime Minister Lee Hsien Loong and Prime Minister Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak at the Singapore-Malaysia Leader's Retreat in Singapore.* 19 February 2013.
- Saravanamuttu, Johan. 2021. "Malaysia's Embrace of the Belt and Road Initiative and Implications for Regional Geopolitics." In *Asia and Europe in the 21st Century*, edited by Rahul Mihtra, Azirah Hashim, and Anthony Milner. London: Routledge.
- Shahidah Abdul Razak, Ariff Aizuddin Azlan, dan Ahmad Firdaus Abdul Jalil. "The 14th General Election in Malaysia: The End of Authoritarian Regime ('Pilihan Raya Umum Ke-14: Berakhirnya Era Rejim Autoritarian')." *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 4, no. 2 (April 2019): 90-101.
- Sufian Jusoh. *Pulau Batu Puteh Revision: Where Are We Heading?* Diplomatic Voice, Vol. 1, 2017. Kuala Lumpur: Institute of Diplomacy and Foreign Relations (IDFR), Ministry of Foreign Affairs, 2017.
- S. Jayakumar, Tommy Koh & Lionel Yee. 2018. *Pedra Branca: Story of the Unheard Cases*, Singapore : Straits Times Press.
- Syed Mohammed Ad'ha Aljuneid. "Colonial Powers, Nation-States and Kerajaan in Maritime Southeast Asia: Structures, Legalities and Perceptions." *New Zealand Journal of Asian Studies* 12, no. 2 (December 2010): 94-107.
- The Straits Times*, Malaysian Chinese Association (MCA) backs gov't move to claim Pedra Branca: Party chief Liow, 5 February 2017.
- The Straits Times*, Malaysia's 7-members legal team in Pedra Branca case includes 3 Foreign Experts, 17 February 2017.
- The Straits Times*, Johor Sultan supports KL's move on review of Pedra Branca case at International Court, 24 November 2017.
- The Straits Times*, Umno Youth hands protest note over PM Lee's remarks, 21 November 2017.
- Wong, Jing Zhi. 2017. "Malaysia's Application for Revision of the Pedra Branca Judgement: Case Note on the Question of Admissibility." *Perth International Law Journal* 2: 62-68.